

20 barang kawalan

W/M 3/3/12 MS 25

Ola NORLIZA ABD. RAHMAN

penarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 2 Ogos - Kerajaan hari ini mengumumkan penguatkuasaan harga maksimum bagi 20 jenis barangan harga terkawal di bawah Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaako (gambar) berkata, penguatkuasaan skim tersebut akan bermula dar 12 hingga 26 Ogos mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Umlah 20 barangan runcit harga terkawal itu ialah ayam hidup, ayam standard, daging lembu tempatan, daging kerbau import serta telur ayam gred A, B dan C.

Urut dikawal, kubis bulat import,

cili merah, tomato, kelapa biji, kacang tanah import, bawang merah kecil, bawang besar, bawang putih, ubi kentang import dan kan kembang.

“Penentuan harga maksimum dibuat di pelbagai peringkat dalam rantaian pengedaran mengikut keperluan untuk memastikan penguatkuasaan kawalan harga adalah lebih berkesan dengan penawaran harga yang berpatutan,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Pelaksanaan skim itu, katanya, bertujuan menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah semasa musim perayaan dan antara langkah kerajaan untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat.

Beliau berkata, peniaga diwajibkan menjual barangan harga terkawal mengikut harga maksimum yang ditentukan oleh kerajaan dan neletakkan tanda harga berwarna merah jambu untuk membezakan harga kawalan

dengan barangan lain.

Ismail Sabri menegaskan, mana-mana peniaga yang didapati melakukan kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000.

Bagi individu yang melakukan kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal boleh didenda sehingga RM10,000 atau kompaun sehingga RM5,000.

“Pegawai penguat kuasa dan pegawai pemantau harga kementerian ini akan berada di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai membeli belah seperti pasar awam, pasar pagi dan pasar tani untuk melakukan pemeriksaan dan pemantauan,” katanya.

Sekiranya terdapat peniaga tidak mematuhi undang-undang, pengguna boleh menyalurkan aduan ke talian bebas tol 1-800-886-800 atau menghantar khidmat pesanan ringkas ke 15888 dengan menaip ‘KPDNKK ADUAN <butiran aduan.’



INFO

SENARAI BARANGAN HARGA TERKAWAL SKIM KAWALAN HARGA MUSIM PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI 2012

Stiap kilogram

■ Ayam hidup	RM5.70
■ Ayam standard	RM6.80
■ Ayam super	RM7.60
■ Daging lembu tempatan	RM22.00
■ Daging lembu import	RM24.00
■ Daging kerbau tempatan	RM21.00
■ Daging kerbau import (India)	RM13.50
■ Kubis bulat import	RM3.20
■ Cili merah	RM10.00
■ Tomato	RM4.30
■ Kelapa parut	RM6.00
■ Kacang tanah import	RM6.50

■ Bawang merah kecil	RM5.00
■ Bawang besar import	RM2.50
■ Bawang putih	RM7.50
■ Ubi kentang import	RM3.00
■ Ikan kembung	RM12.00

Setiap Sebiji

■ Telur ayam gred A	35 sen
■ Telur ayam gred B	34 sen
■ Telur ayam gred C	33 sen

* Senarai ditetapkan itu berbeza di sesetengah negeri khususnya di Sabah dan Sarawak